

06/03/1999

Osu seru umat Islam kekal perpaduan

KOTA KINABALU, Jumaat - Umat Islam di negeri ini akan menghadapi kesukaran melaksana kewajipan agama manakala kedudukan sosioekonomi pula menjadi lemah jika mereka membiarkan ukhwah sedia ada dipecahbelahkan.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, sehubungan itu menggesa masyarakat Islam sentiasa berusaha mengelakkan sebarang keadaan yang boleh memecahkan perpaduan ummah.

"Dalam keadaan sekarang, perpaduan di kalangan masyarakat Islam perlu dieratkan lagi agar program memperbaiki taraf ekonomi dipertingkatkan dan mudah menjalankan tuntutan agama," katanya.

Beliau berkata demikian di Majlis Perjumpaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan ulama, Imam, ustaz, pendakwah dan pegawai agama seluruh Sabah di sini hari ini.

Osu yang juga Menteri Kewangan negeri, berkata ikatan persaudaraan di kalangan masyarakat Islam mampu diteruskan dengan memastikan sistem pemerintahan kerajaan negeri mempunyai teras kepemimpinan orang Islam.

Beliau berkata hanya melalui pemerintahan berteraskan kepemimpinan orang Islam sahaja yang mampu memberi peluang serta kemudahan untuk mereka menjalankan tuntutan agama.

Justeru, katanya, menyokong pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya 12-13 Mac ini boleh dianggap sebagai fardu kifayah kerana ia memungkinkn tuntutan memastikan tanggungjawab kepemimpinan di kalangan orang Islam dapat dipenuhi.

Menurut beliau, sejak BN mengambil alih pemerintahan kerajaan negeri pada 1994, pelbagai program bertujuan meninggikan syiar Islam berjaya dilakukan.

Antaranya ialah menggubal serta menguatkan kuasakan sembilan enakmen syariah, mewujudkan pejabat Mufti negeri, berjaya menyelesaikan masalah berhubung perkahwinan dan perceraian (munakahat) dengan lebih cepat serta memberi gaji bulanan tetap kepada Imam.

Selain itu, sebanyak RM2.5 juta sudah dibelanjakan untuk program Tafaquh iaitu kursus pendidikan agama jangka panjang untuk anak keluarga miskin.

(END)